



KETUA EKSEKUTIF
CHIEF EXECUTIVE
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
Skills Development Fund Corporation
Kementerian Sumber Manusia
Ministry of Human Resources
Pejabat Ketua Eksekutif
Aras 27, Menara Dato' Onn
Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)
No. 45, Jalan Tun Ismail, 50530 Kuala Lumpur.



Telefon : 03-4047 6008
Faks : 03-4047 6108
Laman Web : www.ptpk.gov.my

Rujukan Kami : PTPK.PLS.600-1/9 JLD 3 (47)
Tarikh : 2 Mei 2018

Ketua Eksekutif / Pengarah / Pengurus
Penyedia Latihan

Y.Bhg. Datuk/Dato/Tuan/Puan,

**MAKLUMAT KAJIAN PENILAIAN OUTCOME KEPADA PEMINJAM YANG TELAH
DILULUSKAN PINJAMAN LATIHAN KEMAHIRAN (PLK) DI BAWAH
RANCANGAN MALAYSIA 2011 SEHINGGA 2017**

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman tuan, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 16 Mac 2005 telah menetapkan supaya Kementerian/Jabatan/Agensi melaksanakan Kajian Penilaian Outcome bagi mengukur prestasi dan pencapaian program/ projek pembangunan yang telah dilaksanakan. Kajian ini akan melihat dari sudut *outcome* iaitu keberkesanan ke atas peruntukan yang diberikan melalui peminjam menamatkan latihan melalui program/kursus yang diikuti, peminjam mendapat sijil, peminjam bekerja dalam bidang yang dipelajari dan peminjam mendapat gaji yang setimpal.
3. Sehubungan dengan itu, kerjasama daripada pihak tuan adalah dipohon supaya mengisi dan melengkapkan maklumat peminjam yang telah diluluskan pinjaman bagi tahun **2011 sehingga 2017** seperti di **Lampiran 1**.
4. Maklumat ini juga diperlukan bagi penyediaan keperluan dana bagi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) serta salah satu daripada elemen penilaian untuk urusan pengagihan peruntukan/kuota pada masa hadapan. Sila kemukakan maklumat ini dalam bentuk "*soft copy*" melalui mail elektronik kepada pegawai berikut **sebelum atau pada 31 Mei 2018 (Khamis)**.

- i. Encik Jamaludin Bin Jalan: jamaluddin@ptpk.gov.my no telefon 03-40476178; dan
- ii. Puan Suriani Binti Abdullah : surianiabdullah@ptpk.gov.my) no telefon 03-4047 6156

5. Segala kerjasama tuan berhubung perkara ini amatlah diharapkan.

Sekian, terima kasih

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Pekerja Berkemahiran Peneraju Kecemerlangan Negara”



(ISMARIZAL BIN ISMAYATIM)

b.p. Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran

s.k P(B)

P(PKKPA)

P(PK)

PPK(P&P)

